

PRODUCT DISCLOSURE SHEET (Read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate in the <i>Burglary Takaful</i> . Be sure to also read the general terms and conditions.)	ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD - BURGLARY TAKAFUL Date:
1. What is this product about?	
Burglary Takaful certificate provides coverage for loss or damage to the contents of premises as a result of theft and robbery.	
2. What are the applicable Shariah concepts?	
Takaful: It means an arrangement based on mutual assistance under which Takaful Participants agree to contribute to General Takaful Fund (GTF), providing for mutual financial benefits payable to the Takaful participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events. Wakalah: It means a Shariah concept where an agent is appointed to undertake transactions on another person's behalf. In this Takaful contract, it shall mean that We, Zurich General Takaful Malaysia Berhad are appointed as a manager to manage the Takaful business on behalf of the Participant by charging an agreed Wakalah Fee. Tabarru': It means donation and in Takaful, it is the sum amount of money that participants willingly to contribute into the GTF for the purpose of cooperation among participants. It will be used to help the participants in the event of misfortunes. Qard: It means an interest-free loan provided by the takaful operator in the event of deficit in the GTF. Hibah¹: It is a gift contract that is adopted in surplus sharing. If there is a surplus sharing declared from the GTF at the end of financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on Hibah. ¹Only to those Participants who have not incurred any claim and/or not received any benefits payable under each type of cover under this certificate. Ju'alah: It is a commission (reward) for good performance in managing the GTF where the Takaful Operator shall be entitled to an incentive equal to 50% of any surplus sharing from the GTF after the end of each financial year.	
3. What are the covers / benefits provided?	
This certificate covers : - Loss due to theft, only if accompanied by forcible or violent breaking into or out of the premises by any person or persons other than your own employees; - Loss as a result of armed robbery or robbery with violence; and - Damage to property as a result thereof. The benefit(s) payable under eligible product is protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's TIPS Brochure or contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my). Period of coverage is one year. You need to renew your Takaful certificate annually.	
4. How much contribution do I have to make?	
The total contribution that you have to make may vary depending on the underwriting requirements of the Takaful Operator. Minimum contribution per certificate is RM100.00 Please refer to the Takaful Consultant or the Takaful Operator directly for more information.	
5. What are the fees and charges that I have to make?	
Type	Amount
- Wakalah fees - Tax * - Stamp Duty	43% of contributions of which : - Commission – 25% of contribution - Management Expenses – 18% of contribution 8% of contribution - RM10.00
* Tax – All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.	

6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

Importance of disclosure – you must give all the facts in your application form fully and faithfully. You must ensure that your property is covered at the appropriate amount taking into account any additional stocks or property acquired.

Consumer Takaful Contract

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

Non-Consumer Takaful Contract

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions: Please refer to this link <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the terms and conditions under this certificate.

Contact Zurich General Takaful Malaysia Berhad if you have not received the Takaful certificate after one month of participation.

7. What are the major exclusions under this certificate?

- Theft by any member of the Participant's family, staff or domestic servants or any person(s) lawfully in the premises;
- Loss or damage if the premises are left unoccupied for more than 30 consecutive days;
- Loss or damage occasioned by fire or explosion;
- Accounting shortage/inventory shortfall;
- Theft by Deception;
- Criminal Breach of Trust;
- Seizure by any Authority;
- The first amount of each and every loss or damage described in the certificate as the Excess;
- War & Terrorism;
- Loss or damage directly or indirectly caused by nuclear weapons; and
- Any other events prohibited by Shariah principles.

Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the full list of exclusions under this certificate.

8. Can I cancel my certificate?

You may cancel your certificate by giving 7 days written notice to the Takaful Operator. Upon cancellation, you are entitled to a refund of the contribution based on the percentage of the Certificate unexpired period.

9. Sanction Exclusion Clause

Notwithstanding any other terms under this agreement, no takaful operator shall be deemed to provide coverage or will make any payments or provide any service or benefit to any participant or other party to the extent that such cover, payment, service, benefit and/or any business or activity of the participant would violate any applicable trade or economic sanctions law or regulation.

10. Treatment of Small Amount

Small Amount shall mean any amount below Ringgit Malaysia Ten (RM10) arises from contribution excess, cancellation, surplus distribution or claims that are to be made other than by way of electronic payment. The Small Amount shall be channeled to charity. However, if You decide otherwise, You are required to submit a formal request to Us.

We may review the applicability of the above stated small amount and any change to the amount will be subjected to Our Shariah Committee approval.
11. What do I need to do if there are changes to my contact details?
It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondence reach you in a timely manner.
12. Where can I get further information?
Should you require additional information about Burglary Takaful, please visit www.zurich.com.my or contact us for any enquiries at: Zurich General Takaful Malaysia Berhad, Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. Tel : 603-2109 6000 Fax : 603-2109 6888 Website: www.zurich.com.my Email: callcentre@zurich.com.my
13. Other types of Burglary Takaful cover available?
Not Available.
IMPORTANT NOTE: YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS COVERED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE TAKAFUL CONSULTANT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.

The information provided in this disclosure sheet is valid from 01 September 2024 until a revision is issued.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Registration No. 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

www.zurich.com.my



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli <i>Takaful Kecurian dan Rompakan</i> . Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)	ZURICH GENERAL TAKAFUL MALAYSIA BERHAD – TAKAFUL KECURIAN DAN ROMPAKAN Date:
1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?	
Sijil Takaful Kecurian menyediakan perlindungan untuk kehilangan atau kerosakan pada kandungan premis akibat kecurian dan rompakan.	
2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?	
Takaful: Ia bermaksud satu konsep saling membantu antara peserta Takaful yang bersetuju untuk memberi caruman kepada Dana Takaful Am (DTA) yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada peserta Takaful atau penerima manfaat mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui. Wakalah: Ia bermaksud konsep Syariah di mana ejen akan dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermakna Kami, Zurich General Takaful Malaysia Berhad, dilantik sebagai pengurus untuk menguruskan urusan Takaful bagi pihak Peserta dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui. Tabarru': Ia bermaksud sumbangan dan dalam Takaful ia bermakna jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke DTA secara sukarela bagi tujuan kerjasama dalam kalangan peserta. Ia akan digunakan untuk membantu peserta-peserta yang ditimpa musibah. Qard: Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit terhadap DTA. Hibah¹: Ia bermaksud kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan. Sekiranya terdapat pengagihan lebihan yang diisytiharkan daripada DTA pada akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan akan dikongsi dengan Peserta yang layak berdasarkan kontrak Hibah. ¹Hanya untuk peserta yang tidak membuat tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil semasa ianya masih berkuatkuasa. Ju'alah: Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan DTA di mana pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian lebihan DTA pada akhir setiap tahun kewangan.	
3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?	
Sijil ini meliputi: - Kerugian akibat kecurian, selepas berlaku pecah masuk atau keluar dari premis dengan paksa atau keganasan oleh mana-mana orang atau orang selain daripada kakitangan anda sendiri; - Kerugian akibat rompakan bersenjata atau rompakan dengan keganasan; dan - Kerosakan kepada harta benda akibat daripadanya. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my). Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil Takaful anda setiap tahun.	
4. Berapakah caruman yang perlu saya bayar?	
Jumlah caruman yang anda perlu buat mungkin berbeza-beza bergantung pada keperluan taja jamin Pengendali Takaful. Caruman minimum bagi setiap sijil ialah RM100.00 <i>Sila rujuk terus kepada Perunding Takaful atau Pengendali Takaful untuk maklumat lanjut.</i>	
5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?	
Jenis	Jumlah
- Yuran Wakalah - Cukai* - Duti Setem	43% daripada caruman yang mana : - Komisen – 25% daripada caruman - Perbelanjaan Pengurusan – 18% daripada caruman 8% daripada caruman - RM10.00

*Cukai – Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.	
6. Apakah beberapa terma dan syarat utama yang perlu saya ketahui?	
Kepentingan pendedahan – anda mesti memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda dengan lengkap dan jujur. Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira sebarang stok tambahan atau harta yang diperoleh. Kontrak Takaful Pengguna Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajiban untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah. Kontrak Takaful Komersial Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon untuk Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah. Kepentingan penyimpanan resit dan terma & syarat utama yang lain: Sila rujuk pautan ini https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions. Nota : Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak sijil untuk terma dan syarat di bawah sijil ini. Hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad jika anda belum menerima sijil Takaful selepas satu bulan penyertaan.	
7. Apakah pengecualian utama di bawah sijil ini?	
• Kecurian oleh mana-mana ahli keluarga Peserta, kakitangan atau pembantu rumah atau mana-mana orang secara sah di dalam premis; • Kerugian atau kerosakan jika premis dibiarkan tanpa penghuni selama lebih daripada 30 hari berturut-turut; • Kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh kebakaran atau letupan; • Kekurangan perakaunan/kekurangan inventori; • Kecurian secara Penipuan; • Perbuatan Jenayah Pecah Amanah • Rampasan oleh mana-mana Pihak Berkuasa; • Jumlah pertama bagi setiap kerugian atau kerosakan yang dinyatakan dalam sijil sebagai Lebihan; • Peperangan & Keganasan; • Kehilangan atau kerosakan secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh senjata nuklear; dan • Sebarang peristiwa lain yang dilarang oleh prinsip Syariah. Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak sijil untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini.	
8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?	
Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberikan notis bertulis 7 hari kepada Pengendali Takaful. Selepas pembatalan, anda layak mendapat bayaran balik caruman berdasarkan pengiraan tempoh singkat bagi tempoh belum tamat Sijil.	
9. Fasal Pengecualian Sekatan	
Tidak tertakluk pada mana-mana terma lain di bawah perjanjian ini, pengendali takaful tidak akan membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada peserta atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan, manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.	

10. Pengurusan Jumlah Kecil Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan untuk kebajikan. Bagaimanapun, jika Anda membuat keputusan sebaliknya, Anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada Kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah Kami.
11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya? Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut? Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang Takaful Peralatan Semua Risiko, sila layari www.zurich.com.my atau hubungi kami untuk sebarang pertanyaan di: Zurich General Takaful Malaysia Berhad Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur. Tel : 603-2109 6000 Faks : 603-2109 6888 Laman web: www.zurich.com.my E-mel: callcentre@zurich.com.my
13. Lain-lain jenis perlindungan Takaful Peralatan Semua Risiko tersedia. Tiada
NOTA PENTING: ANDA MESTI MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG SESUAI. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PERUNDING TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT. Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah dari 01 September 2024 sehingga semakan dikeluarkan.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (I260157-U)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

